



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA



KRAFTANGAN
MALAYSIA

SIARAN MEDIA

PASAREKA 2023 PLATFORM PEREKA DAN PENGGIAT SENI BERKONGSI IDEA KREATIF DAN REKA BENTUK

KUALA LUMPUR, 1 NOVEMBER 2023 – Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) menganjurkan program PASAREKA pada 1 hingga 5 November 2023 dari pukul 10.00 pagi hingga 6.00 petang bertempat Kompleks Kraf Kuala Lumpur, Jalan Conlay.

PASAREKA merupakan program menghimpunkan aktiviti seni kreatif dan reka bentuk yang merangkumi aktiviti pembangunan produk, perkongsian kreatif, pameran dan jualan kraf. Objektif penganjuran adalah sebagai platform pereka dan penggiat industri seni berkongsi idea dalam pembangunan produk kraf baharu serta memberi pengetahuan kepada masyarakat mengenai produk kraf tempatan.

Penganjuran PASAREKA yang berlangsung selama 5 hari ini menyajikan pelbagai aktiviti menarik kepada pengunjung seperti:

- **Pameran**
 - Pameran *Designer Highlight*
 - Pameran Produk Tokoh Kraf Negara dan Adiguru Kraf
 - Pameran Korporat Institut Kraf Negara
 - Pameran Korporat Institut Kemahiran Tenun Pahang Diraja
 - Pameran Produk Alumni dan Tenaga Pengajar Institut Kraf Negara
 - Pameran Koleksi Produk Pelajar Institut Kraf Negara.
- **Perkongsian Idea Kreatif**
 - Projek Sembangreka
 - Projek Bentuk-Bentuk
 - Projek Reka Kraf
 - Projek Pereka Cipta
- **Projek Camca** – Penggunaa produk kraf dalam masakan
- **Jualan Kraf**

- **Persembahan Kesenian**

Orang ramai dijemput hadir ke program PASAREKA 2023 di Kompleks Kraf Kuala Lumpur secara PERCUMA. – **TAMAT**.

Disediakan oleh:

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT | KRAFTANGAN MALAYSIA

KOMPLEKS KRAF KUALA LUMPUR | JALAN CONLAY | 50450 KUALA LUMPUR

TEL : 03 - 2162 7459 | FAKS : 03 - 2161 3773 | www.kraftangan.gov.my |   KRAFTANGAN MALAYSIA